

**PERKAITAN ANTARA BAHAN BANTU BELAJAR DAN GAYA
PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN KERTAS
BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN
MURID BUKAN MELAYU**

LILI SUNAINI BINTI HJ. RAMLI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

9 Mei 2006

LILI SUNAINI BINTI HJ. RAMLI
M20031001027

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Illahi kerana limpah dan kurnia-Nya yang memberikan kekuatan dan kesihatan kepada penulis dalam mengusahakan penulisan Disertasi ini. Pada kesempatan ini, penulis merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang memberikan bantuan, kerjasama dan motivasi yang tidak ternilai selama ini.

Pertamanya, penulis merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Sulaiman bin Masri, selaku penyelia penulisan Disertasi ini yang sentiasa sabar dalam usaha memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis sehingga penulisan ini berjaya diselesaikan. Terima kasih terhadap teguran dan nasihat yang diberikan selama ini. Dorongan yang diberikan selama ini amat bermakna untuk penulis menyelesaikan penulisan disertasi ini. Semoga Allah S. W. T sentiasa memberi rahmat dan kekuatan kepadanya.

Ucapan terima kasih ini penulis tujukan kepada Profesor Emeritus Datuk Dr. Ishak B. Haron, Dr. Nor Azmi B. Mostafa; Dekan Fakulti Bahasa, Dr. Ahmad B. Hashim, Dr. Hajah Siti Khariah Bt. Mohd. Zubir dan para pensyarah Jabatan Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris yang begitu ikhlas membimbing dan mengajar ilmu yang dimiliki.

Untuk suami tercinta, pengorbanan yang dicurahkan selama ini tidak ternilai harganya buat diri ini. Buat Bonda tercinta, terima kasih terhadap dorongan padu selama ini menguatkan semangat kepada penulis untuk terus berusaha. Untuk Ayahanda tersayang, doa abah mengiringi perjalanan hidup ini selamanya. Kasih sayangmu tiada galang gantinya. Semoga tenang bersemadi menghadap-Nya yang Maha Esa.

Akhirnya, kepada rakan seperjuangan, semoga persaudaraan yang terjalin erat ini abadi dalam lipatan kenangan untuk selamanya. Terima kasih terhadap pengorbanan dan budi kalian yang dicurahkan selama ini.

LILI SUNAINI BINTI HJ. RAMLI,
Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak.

9 Mei 2006

ABSTRAK

Penggunaan bahan bantu belajar dan gaya pembelajaran merupakan faktor penting untuk menentukan pencapaian murid dalam peperiksaan. Kajian ini bertujuan menentukan jenis bahan bantu belajar dan gaya pembelajaran dalam kalangan murid bukan Melayu. Sampel kajian ini terdiri daripada 60 orang murid bukan Melayu Tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Lipis, Pahang. Maklumat kajian didapati melalui soal selidik dan temu bual. Data dianalisis menggunakan statistik kekerapan, peratus, korelasi dan Analisis varians sehala (ANOVA). Kajian ini mendapati, terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan bahan bacaan jenis majalah akademik dan bukan akademik serta kekerapan pembacaan bahan bacaan tambahan berkaitan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan peningkatan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam ujian semasa di Tingkatan 4. Kajian mendapati 75.0% murid yang mendapat gred A - Cemerlang selalu membaca bahan bacaan tambahan berkaitan mata pelajaran BM berbanding dengan murid yang mendapat gred F - Gagal. Selain itu, keputusan Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) murid menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam ujian semasa di Tingkatan 4, iaitu Min bagi gred A BM PMR ialah 3.6154, min bagi gred B 2.9500, gred C 2.3889 dan bagi gred D/E 1.7778. Kajian ini juga mendapati hubungan yang signifikan antara kekerapan membuat latihan Bahasa Melayu di rumah dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam ujian semasa di Tingkatan 4, iaitu 16.7% murid mendapat gred A - Cemerlang selalu membuat latihan Bahasa Melayu berbanding murid yang mendapat gred F-Gagal. Disertasi ini seterusnya mengandungi Bab 1 yang memaparkan pendahuluan kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kerangka konseptual kajian, soalan kajian, batasan kajian, definisi istilah, rasional kajian dan rumusan. Bab 2, membincangkan tinjauan literatur, teori pembelajaran, gaya pembelajaran dan kajian lepas yang berkaitan. Bab 3 membincangkan metodologi kajian iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan tatacara penganalisan data dijalankan. Dalam Bab 4 dipaparkan dapatan dan perbincangan, manakala dalam Bab 5, dipaparkan rumusan dan cadangan. Diharapkan hasil dapatan ini menjadi panduan kepada para ibu bapa, guru dan pihak pentadbir sekolah di peringkat daerah, negeri dan Kementerian Pelajaran dalam usaha merancang peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pendidikan murid bukan Melayu menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu.

ABSTRACT

The uses of learning materials and learning styles are among the domineering factors in shaping the students' best achievements in examinations. This research was carried out with the purpose to find out the types of learning materials and learning styles used among the non - Malay students. 60 non-Malay form four students, taken from two schools in the Lipis District, Pahang were selected to be the samples. The information was gathered through questionnaires and interviews. A few methods have been selected to analyze the data. The methods used are frequency statistics, percentage, correlation, and one way ANOVA. The findings of this research shows that, there is a significant relation between the frequent uses of Bahasa Melayu reading materials, academic and non-academic magazines and also the frequent reading of additional reading materials related to Bahasa Melayu subject, towards the increasing of achievement for Bahasa Melayu subject in their previous form four examination. The research also shows that the excellent students (75% and above) were the frequently readers of additional reading materials related to BM subject compared to the students who were failures in Bahasa Melayu subject. Other than that, there is also a significant relation with their PMRs' results for grade A min is 3.6154, the min for grade B is 2.9500, grade C min is 2.38889 and 1.7778 for grade D/E. The research also found that there is a close significant between the frequency of doing Bahasa Melayu exercises at home with the students' achievement in that particular examination. 16.7 % students who got Grade A, frequently made a lot of Bahasa Melayu exercises compared to the Grade F students. This dissertation also contains First Chapter, in which previous studies, problem statement research aims, conceptual framework, questionnaire, research limitation, term definition, relevance of studies and conclusion, are concluded. While Chapter Two is on literature review, learning theories, learning styles and previous related studies. Chapter Three discusses on the research methodology in which the research design, data gathering methods and analysis procedure are presented. The findings and its discussion is being described in Chapter 4, while Chapter 5, it contains summarizations and suggestions. It is hoped that this research could be made as reference by parents, teachers, school, district or state authorities, and also the Ministry of Education itself, in planning a better quality teaching and learning methods, especially for the non-Malay students in mastering the Bahasa Melayu subject.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN / ISTILAH	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.4.1 Penjelasan Rajah 1.1	9
1.5 Tujuan Kajian	10
1.6 Rasional Kajian	11
1.7 Soalan Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Sampel Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	14
1.11 Definisi Istilah	15

1.11.1	Bahan Bantu Belajar	15
1.11.2	Gaya Pembelajaran	16
1.11.3	Perkaitan	17
1.11.4	Pencapaian	17
1.11.5	Murid Bukan Melayu	18
1.12	Rumusan	18
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Matlamat Pendidikan Bahasa Melayu KBSM	20
2.3	Pendekatan Pembelajaran Bahasa	22
2.4	Kepentingan Bahan Bantu Belajar Dalam Pengajaran	25
2.5	Teori Pembelajaran	30
2.5.1	Teori Pembelajaran Kognitivisme	31
2.5.2	Teori Pembelajaran Behaviorisme	33
2.6	Teori Gaya Pembelajaran	34
2.7	Pendekatan Gaya Pembelajaran Selmes (1987)	37
2.7.1	Pendekatan Gaya Mendalam (deep)	37
2.7.2	Pendekatan Gaya Permukaan (surface)	38
2.7.3	Pendekatan Gaya Motivasi (motivation)	39
2.7.4	Pendekatan Gaya Organisasi (organisation)	39
2.7.5	Pendekatan Gaya Ketekunan (hard work)	40
2.8	Kajian Gaya Pembelajaran	41
2.9	Kajian Literatur Dalam Negeri yang berkaitan	48
2.10	Kajian Literatur Luar Negeri yang berkaitan	54

2.11	Rumusan	58
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	59
3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Tempat Kajian	60
3.4	Pemilihan Sampel	61
3.5	Instrumen Kajian	62
3.6	Variabel Kajian	62
3.7	Prosedur Kajian	63
3.8	Kajian Rintis	66
3.9	Pemungutan Data dan Pentadbiran Soal Selidik	67
3.10	Pengelolaan Data	68
3.11	Prosedur Penganalisan Data	68
3.12	Rumusan	71
BAB 4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	72
4.1	Pengenalan	72
4.2	Dapatan Profil Responden Kajian	73
4.3	Dapatan Soalan Kajian	76
4.3.1	Soalan Kajian 1	
	Hubungan antara Gred BM PMR dan Gred BM Ujian semasa di Tingkatan Empat.	76
4.3.2	Soalan Kajian 2	
	Hubungan antara membuat latihan BM dan Gred BM ujian semasa di Tingkatan Empat.	77

4.3.3 Soalan Kajian 3

Hubungan antara Gred BM Ujian semasa di Tingkatan Empat dengan membaca majalah akademik dan pembacaan buku tambahan mata pelajaran BM 79

4.4 Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian 86

4.4.1 Hubungan antara Gred BM PMR dan Gred BM ujian semasa diTing. 4 dalam kalangan murid bukan Melayu 86

4.4.2 Hubungan antara gaya pembelajaran murid bukan Melayu dan pencapaian kertas BM 87

4.4.3 Hubungan antara pembacaan bahan bacaan umum sebagai bahan bantu dengan pencapaian kertas BM 89

4.5 Rumusan 90

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN 91

5.1 Pengenalan 91

5.2 Ringkasan Kajian 92

5.2.1 Tujuan Kajian 92

5.2.2 Tempat Kajian 92

5.2.3 Instrumen Kajian 93

5.2.4 Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan 93

5.2.5 Rumusan dan Cadangan 94

5.3 Rumusan 94

5.4 Cadangan 96

RUJUKAN

100

LAMPIRAN A	Surat Kebenaran
LAMPIRAN B	Soalan Ujian Semasa Tingkatan 4
LAMPIRAN C	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN D	Buku Kod
LAMPIRAN E	Analisis Data Kajian Rintis
LAMPIRAN F	Analisis Data Kajian

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Strategi pembelajaran bahasa langsung	23
2.2 Strategi pembelajaran bahasa tak langsung	24
3.8 Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Variabel	69
4.2.1 Dapatan Taburan Sampel mengikut Sekolah	73
4.2.2 Dapatan Taburan Sampel mengikut Keturunan	73
4.2.3 Dapatan Taburan Sampel mengikut Jantina	74
4.2.4 Dapatan Taburan Sampel mengikut Kawasan Tempat Tinggal	74
4.2.5 Dapatan Taburan Sampel mengikut Gred BM PMR	75
4.2.6 Dapatan Taburan Sampel mengikut Gred BM Ujian semasa di Ting.4	75
4.3.1 Analisis Ujian-F (ANOVA) bagi Min Gred BM Ujian semasa di Ting. 4 Berdasarkan Gred BM PMR	76
4.3.2 Membuat Latihan BM dan Gred BM Ujian semasa	78
4.3.3 Membaca Majalah Akademik dan Gred BM Ujian semasa	80
4.3.4 Membaca Bahan Bacaan Tambahan BM dan Gred BM Ujian semasa	81
4.3.5 Analisis Korelasi Antara Varibel yang dikaji	83
(sambungan Jadual 4.3.5)	84
4.3.6 Analisis Regrasi antara Variabel yang dikaji dengan Gred BM Ujian semasa Sebagai Variabel Bersandar	85

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Kerangkan Konseptual Kajian	8
3.1 Tatacata Pengumpulan Data dan Maklumat dalam Kajian ini	65

SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

BM	-	Bahasa Melayu
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Persekolahan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSM-		Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Bahan Bantu Belajar

- Semua alat, media atau sumber bercetak untuk pembelajaran murid seperti majalah akademik, majalah bukan akademik (umum), kamus.

Gaya pembelajaran

- Cara, kaedah dan kebiasaan pembelajaran murid untuk mendapatkan maklumat seperti membuat latihan/ latih tubi dan bacaan.

Gred BM Ujian Semasa

- Pencapaian Bahasa Melayu terkini dalam ujian di Tingkatan Empat.

Latihan BM di rumah

- Penggunaan kamus untuk mencari kosa kata/ perbendaharaan kata.
- Latihan membina ayat dalam Bahasa Melayu.
- Menggunakan latihan dan menulis atau mengisi tempat kosong.
- Menguasai soalan kefahaman Bahasa Melayu kerana banyak membuat latihan dari buku contoh soalan atau buku kerja.
- Latihan (membaca dan membuat latihan) dalam kemahiran bahasa seperti tatabahasa, pemahaman, mengarang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini memperkatakan perkaitan antara bahan bantu belajar¹ dan gaya pembelajaran dengan pencapaian kertas Bahasa Melayu (BM) dalam kalangan murid² bukan Melayu tingkatan empat. Bab pendahuluan ini menjadi dasar kandungan disertasi seterusnya. Dalam bahagian ini, pengkaji membentangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan rasional kajian. Turut diperkatakan batasan kajian dan beberapa definisi istilah yang diguna pakai dalam kajian ini. Akhirnya, dikemukakan rumusan dan pelan tentatif kajian ini.

¹ Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Semakan 2001) bahan bantu belajar merujuk segala sumber atau bahan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

² Menurut Panduan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, istilah murid sama dengan istilah pelajar yang belajar di tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pengkaji menggunakan istilah murid dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peredaran zaman menuntut manusia melakukan perubahan dalam kehidupan seharian. Bidang pendidikan tidak terkecuali. Penggunaan bahan pembelajaran oleh murid di dalam bilik darjah kini tidak terhad pada penggunaan buku teks semata-mata untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Pemahaman terhadap topik pelajaran tertentu yang dipelajari boleh diperkukuh dengan sokongan bahan bantu belajar yang lain, selain daripada penggunaan buku teks. Penggunaan pelbagai media boleh dieksploitasi oleh murid asalkan penggunaan bahan tersebut memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Penggunaan media cetak lain seperti buku rujukan, buku kerja, buku ulasan, modul, majalah berbentuk akademik dan bukan akademik, surat khabar, kamus dan buku akademik boleh dimanfaatkan dalam usaha memantapkan pemahaman isi pelajaran dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Semua bahan pembelajaran tersebut dapat membantu murid memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru di dalam bilik darjah. Di samping itu, bahan pembelajaran yang sesuai dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan bermakna dalam pembelajaran murid. Suasana yang menyeronokkan sudah pasti menyingkirkan segala kebosanan pembelajaran yang sedia wujud dalam diri murid.

Di samping itu, kecanggihan teknologi kini memungkinkan murid mendapatkan maklumat yang lebih pantas seperti penggunaan perisian komputer, internet dan rancangan pendidikan televisyen. Kepelbagaian kecanggihan teknologi tersebut boleh dimanfaatkan oleh murid sesuai dengan keperluan pembelajaran mereka. Penggunaan teknologi terkini dapat membantu murid menguasai sesuatu isi pelajaran dengan pendekatan yang bersesuaian dengan isi pelajaran. Tegasnya,

kepelbagaian bahan yang bersesuaian dengan konteks pembelajaran yang dialami oleh murid, boleh membantu murid menyelesaikan masalah pembelajaran mereka.

Banyak teori pembelajaran bahasa menegaskan, pembelajaran bahasa yang dibantu dengan bahan dan media pembelajaran yang bersesuaian, berkesan serta menarik, bukan sahaja merupakan pembelajaran yang amat menyenangkan, malah ia juga merupakan pembelajaran yang berkekalan. Penggunaan bahan bantu belajar yang berkesan dan bersesuaian dengan keperluan pembelajaran murid dapat membantu murid mengekalkan pemahaman mereka tentang isi pelajaran yang dipelajari. Pemahaman yang tinggi terhadap isi pelajaran yang dipelajari, dapat mengekalkan ingatan mereka. Hal ini bermakna, penggunaan bahan dan media pembelajaran yang baik berupaya menentukan hasil pembelajaran yang maksimum.

Pengalaman dan kajian lalu juga membuktikan, bahan pembelajaran amat penting bagi membantu pengajaran dan pembelajaran. Dalam pendidikan BM di sekolah, bahan pembelajaran perlu digunakan dengan sebaik-baiknya agar pembelajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan dan lancar. Pembelajaran yang berkesan tidak cukup dengan penyampaian lisan dan catatan ringkas guru di papan hitam semata-mata. Penggunaan medium pembelajaran yang pelbagai, dapat membantu murid memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Hal ini disebabkan, setiap individu mempunyai tahap pemahaman yang berbeza. Penggunaan satu bahan pembelajaran sahaja tidak mungkin dapat disesuaikan oleh semua murid dengan keperluan pemahaman mereka yang berbeza. Lantaran itu, penggunaan kepelbagai media pembelajaran dapat membantu murid meningkatkan mutu pembelajaran mereka.

Namun begitu tidak dinafikan, pencapaian cemerlang seseorang murid tidak terhad pada bahan bantu belajar yang digunakan. Gaya pembelajaran juga, penting

dalam usaha membantu pencapaian cemerlang murid khususnya murid bahasa kedua atau penutur bukan natif BM. Gaya pembelajaran seperti kekerapan pembacaan mereka terhadap bahan bacaan umum seperti pembacaan majalah akademik dan bukan akademik, kekerapan membuat latihan mata pelajaran BM di rumah dan bimbingan rakan sebaya juga perlu diambil kira dalam usaha membantu kejayaan murid secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan, tanpa usaha yang berterusan dalam pembacaan dan latihan berkaitan mata pelajaran yang dipelajari, tidak mungkin seseorang murid itu dapat menguasai kemahiran dalam mata pelajaran tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Maka sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat hubungan yang wujud antara penggunaan bahan bantu belajar dan gaya pembelajaran murid daripada aspek kekerapan murid bukan Melayu membuat latihan mata pelajaran BM di rumah khususnya dalam pencapaian mata pelajaran BM pada peringkat menengah atas. Hal ini disebabkan, penilaian dalam peperiksaan untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk Kertas 1 dan Kertas 2 mata pelajaran BM, mengkehendaki calon menjawab soalan yang dikemukakan menggunakan bahasa sendiri sepenuhnya. Justeru itu, masalah ini menjadi penghalang bagi murid bukan Melayu untuk mendapatkan markah yang baik jika mereka mengalami masalah dalam menguasai kemahiran tertentu yang diperlukan dalam mata pelajaran BM seperti kemahiran tatabahasa, pemahaman dan pemahaman Komponen Sastera.

Selain itu, matlamat pendidikan BM di sekolah menengah untuk mengukuh dan meningkatkan penguasaan berbahasa murid. Sehubungan itu, penekanan pendidikan BM pada peringkat persekolahan ialah untuk mencapai keterampilan

berbahasa dalam pembinaan, pembacaan, penulisan dan tatabahasa. Matlamat ini selaras dengan kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.

Lantaran itu, mencapai dan menentukan kejayaan program pembelajaran ini, selain pendekatan, kaedah dan teknik serta pelbagai aktiviti bahasa, penggunaan bahan bantu belajar juga merupakan faktor penting yang perlu dititikberatkan. Hal ini disebabkan, bahanlah yang menggerakkan pembelajaran dan menimbulkan rangsangan kepada murid untuk mencari ilmu pengetahuan dan menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan berkesan. Pembelajaran yang berlangsung tanpa penggunaan sesuatu bahan yang dapat merangsang perkembangan minda murid pasti membosankan. Lebih-lebih lagi dalam lingkungan murid bukan Melayu yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua mereka. Penggunaan bahan bantu pembelajaran yang memenuhi keperluan minat mereka, diharapkan dapat menarik minat kalangan murid bukan Melayu ini terus mempelajari BM tanpa dibatasi perasaan jemu dan membosankan.

Kepelbagaian bahan yang sesuai amat penting untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza daripada segi kecenderungan, minat dan kebolehan. Kepelbagaian bahan bantu belajar untuk kegunaan murid dan guru boleh menjamin pengajaran dan hasil pembelajaran yang maksimum sekali gus menarik minat murid bukan Melayu mempelajari BM yang menjadi mata pelajaran wajib dan melayakkan mereka mendapat sijil setelah tamat persekolahan nanti.

Kepelbagaian bahan bantu belajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa diharapkan dapat meningkatkan pencapaian murid bukan Melayu khususnya sebagai pembelajaran bahasa kedua mereka di samping dapat menambahkan minat murid yang berbeza latar belakang dan kebudayaan. Lantaran itu, pemilihan bahan bantu belajar dalam proses pengajaran kini boleh dipelbagaikan oleh para guru supaya

proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna. Guru juga boleh membantu murid dengan menyumbangkan idea berkaitan penggunaan kepelbagaian sumber pembelajaran yang dapat menyalurkan pengetahuan dan maklumat kepada mereka. Hal ini penting disebabkan, murid tidak hanya mengharapkan buku teks untuk digunakan dalam pembelajaran selepas persekolahan rasmi.

Tuntasnya, pelajaran BM menjadi penting kepada semua murid setelah Kementerian Pelajaran Malaysia menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa supaya semua murid harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan BM. Lantaran itu, semua murid harus menguasai BM dengan baik termasuklah murid bukan Melayu. Oleh yang demikian, penguasaan BM dalam kalangan murid bukan Melayu harus dipandang serius oleh semua pihak termasuklah ibu bapa, para guru dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya.

Permasalahan timbul apabila penggunaan bahan bantu belajar dan cara pembelajaran yang sesuai, kurang digunakan dan diamalkan oleh murid dalam aktiviti pembelajaran. Hal ini disebabkan, kurangnya pengetahuan dan kesedaran murid sendiri dalam pemilihan bahan pembelajaran yang sesuai di samping taraf sosioekonomi keluarga yang rendah dan faktor persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif.

Berdasarkan pernyataan di atas, pengkaji membuat kesimpulan betapa perlunya kajian berkaitan bahan batu belajar dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar bukan Melayu ini dilaksanakan untuk menentukan hubungannya dengan pencapaian BM dalam kalangan murid bukan Melayu.


1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Pembelajaran yang dialami oleh murid merupakan proses interaksi yang melibatkan tenaga pengajar dan keadaan persekitaran mereka. Pada asasnya, pembelajaran berlaku melalui pengalaman yang sedia ada pada murid; iaitu melalui interaksi yang dilakukannya terhadap alam sekeliling. Interaksi individu dengan persekitaran ini bagi mewujudkan pengalaman yang pelbagai untuk terjadinya pembelajaran.

Dalam kajian ini, pengkaji memperlihatkan tiga model yang berkaitan. Antara teori yang dikaitkan dengan kajian ini iaitu teori pembelajaran Behaviorisme, teori pembelajaran Kognitivisme dan Pendekatan Pembelajaran Selmes (1987). Walau bagaimanapun, perincian tiga teori itu diperkatakan lagi dalam bab 2. Berdasarkan tiga teori yang dikemukakan itu, pengkaji mendapati 90 peratus masih sesuai dengan kajian yang dijalankan. Dengan demikian, pengkaji membuat sedikit pindaan dengan mengemukakan kerangka konseptual kajian sendiri selaras dengan kajian ini.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menghubungkan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dalam kalangan murid bukan Melayu dengan beberapa variabel kajian lain seperti kekerapan murid bukan Melayu membaca majalah berbentuk akademik sebagai bahan bacaan umum mereka. Pengkaji menghubungkan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dengan kekerapan penggunaan murid bukan Melayu terhadap bahan bacaan tambahan berkaitan mata pelajaran BM.

Selain itu, pengkaji menghubungkan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dengan gred BM PMR semasa di tingkatan tiga dan kekerapan murid membuat latihan BM di rumah sebagai latihan tubi. Rajah 1.1 menunjukkan hubungan antara gred BM ujian semasa di tingkatan empat sebagai variabel bersandar dengan empat variabel bebas yang sudah dinyatakan sebelumnya.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

1.4.1 Penjelasan Rajah 1.1

Kerangka Konseptual kajian ini berdasarkan Rajah 1.1 (hlm. 8). Berdasarkan Rajah 1.1, kajian ini membincangkan perkaitan antara penggunaan bahan bantu belajar yang digunakan oleh murid dan gaya pembelajaran murid dengan pencapaian kertas BM dalam peperiksaan di sekolah. Antara variabel bebas (IV) dalam kajian ini ialah gred BM Penilaian Menengah Rendah (PMR), membaca majalah akademik, penggunaan bahan bacaan tambahan berkaitan mata pelajaran Bahasa Melayu dan membuat latihan BM di rumah. Semua variabel bebas tersebut dikaitkan dengan variabel bersandar iaitu gred ujian BM semasa di tingkatan empat. Perkaitan ini dibuat untuk melihat hubungan yang wujud antara variabel bebas dengan variabel bersandar yang dipilih.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji cuba menghubungkan pertalian antara gred BM Penilaian Menengah Rendah (PMR), membaca majalah akademik, penggunaan bahan bacaan tambahan mata pelajaran Bahasa Melayu dan membuat latihan BM di rumah dengan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dalam kalangan murid bukan Melayu yang menjadi sampel kajian.

Price (1977) menyatakan, cara pembelajaran seseorang berbeza antara satu sama lain. Hal ini disebabkan, gaya pembelajaran individu mungkin dipengaruhi oleh beberapa aspek seperti penggunaan kemudahan pembelajaran yang terdapat di sekolah dan cara mereka membuat pengukuhan tentang mata pelajaran yang dipelajari seperti penggunaan bahan bacaan umum yang pelbagai dan latihan pengayaan yang berterusan. Semua aspek ini sedikit sebanyak membantu dalam usaha membina gaya pembelajaran individu.

Penggunaan bahan bacaan umum seperti majalah akademik dan majalah umum lain, juga dikaitkan dengan tahap pencapaian murid. Hal ini disebabkan,

majalah merupakan rujukan yang biasanya digunakan oleh murid untuk pembelajaran karangan yang berkesan (Abdul Rasid Jamian & Arba'ie Sujud, 2001). Kandungan isi yang dimuatkan dalam majalah memaparkan isu semasa amat berguna sebagai rujukan dan sumber bacaan umum untuk memantapkan pengetahuan am murid. Di samping itu, majalah mudah didapati dan kosnya murah berbanding dengan sumber rujukan yang lain.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat perkaitan antara penggunaan bahan bantu belajar dan gaya pembelajaran daripada aspek membuat latihan BM di rumah murid bukan Melayu dengan pencapaian kertas BM. Satu soal selidik dijalankan untuk mengetahui perkaitan antara bahan bantu belajar yang digunakan dan gaya pembelajaran mereka dalam menentukan pencapaian kertas BM. Secara khususnya, penyelidikan ini bertujuan :

- a.) Melihat hubungan antara pencapaian BM pada peringkat PMR dengan pencapaian BM di Tingkatan 4 dalam kalangan murid bukan Melayu.
- b.) Melihat hubungan antara gaya pembelajaran murid daripada aspek membuat latihan BM di rumah dengan pencapaian kertas BM dalam kalangan murid bukan Melayu.
- c.) Melihat kekerapan pembacaan bahan bacaan umum sebagai bahan bantu belajar dalam usaha meningkatkan pencapaian kertas BM dalam kalangan murid bukan Melayu.

1.6 Rasional Kajian

Kajian ini difikirkan wajar dilakukan kerana pemilihan dan penggunaan bahan bantu belajar serta gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan dapat meningkatkan prestasi pencapaian dalam kalangan murid bukan Melayu khususnya mata pelajaran BM. Pemilihan dan penggunaan bahan rujukan yang sesuai dan bertepatan dengan isi pelajaran, dapat membantu murid meningkatkan penguasaan mereka terhadap topik tertentu dalam mata pelajaran yang dipelajari. Hal ini disebabkan, penggunaan bahan rujukan dapat mengukuhkan dan meneguhkan pemahaman mereka untuk jangka waktu yang panjang.

Pengkaji dijangka mendapat maklum balas berkaitan penggunaan kepelbagaian bahan bantu belajar dan cara pembelajaran murid bukan Melayu untuk menguasai dan membina pemahaman berkaitan mata pelajaran BM. Gaya pembelajaran juga banyak membantu meningkatkan pencapaian prestasi pelajaran mereka. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menghubungkan gaya pembelajaran seperti kekerapan murid membuat latihan di rumah, khususnya dalam mata pelajaran BM.

Kecemerlangan murid dalam mata pelajaran tertentu mesti dibantu dengan penggunaan media pendidikan yang pelbagai, sesuai dengan peringkat umur dan kemahiran yang ada pada murid di samping faktor sosioekonomi keluarga. Proses pengajaran dan pembelajaran tradisional membataskan potensi murid untuk mencapah kemahiran mereka. Lantaran itu, penggunaan bahan yang berkesan diharapkan dapat menonjolkan bakat dan kemahiran yang boleh membantu mereka dalam menguasai isi pelajaran.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran awal kepada Kementerian Pelajaran dalam usaha mencari alternatif berkaitan penggunaan bahan bantu belajar

yang berkesan dengan persekitaran pembelajaran murid bukan Melayu. Oleh sebab BM merupakan mata pelajaran wajib pada peringkat SPM, maka amat wajar beberapa pendekatan terkini dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan dan prestasi murid bukan Melayu pada peringkat sekolah menengah, bersesuaian dengan persekitaran pembelajaran mereka.

1.7 Soalan Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian ini, kajian berusaha menjawab tiga soalan seperti berikut :

- a.) Adakah terdapat hubungan antara gred BM PMR dan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dalam kalangan murid bukan Melayu ?
- b.) Adakah terdapat hubungan antara membuat latihan BM di rumah dengan gred BM ujian semasa di tingkatan empat dalam kalangan murid bukan Melayu ?
- c.) Adakah terdapat hubungan antara gred BM ujian semasa di tingkatan empat dengan kekerapan membaca majalah akademik dan penggunaan buku tambahan berkaitan mata pelajaran BM dalam kalangan murid bukan Melayu ?